

**Yang Dipertua Negeri Sarawak Terus Aktif Dampingi Rakyat
Bernama
13 Sept, 2013**

KUCHING, 13 Sept (Bernama) -- Walaupun sudah mencapai usia 92 tahun, Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng bukan sahaja tidak kelihatan uzur, malah terus bersemangat dalam menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan kepada beliau.

Ini dapat dilihat daripada tugas rasmi dan tidak rasmi yang beliau laksanakan sepanjang tahun lepas.

Beliau juga giat menjadi tuan rumah atau menghadiri majlis penting seperti sambutan Hari Raya, acara kerajaan dan memenuhi undangan ke majlis perkahwinan anggota keluarga terdekat serta kenalan rapat.

Abang Muhammad Salahuddin mula menyandang jawatan Yang Dipertua Negeri Sarawak keenam pada 30 Nov 2011.

Disifatkan sebagai pemimpin yang sentiasa dekat dengan rakyat, beliau tidak melepaskan peluang untuk bertegur sapa dan berbual mesra dengan orang yang ditemuinya. Sifat ramah beliau ini terserlah pada majlis sambutan Aidilfitri di rumah menantu lelakinya di Sibu baru-baru ini.

Pada majlis itu, beliau bukan sahaja bergurau senda dan berbual mesra dengan anggota keluarganya, malah dengan para hadirin lain.

Esok, lebih 4,000 anggota kontinjen berpakaian seragam, kontinjen berpakaian biasa dan penghibur, akan mengadakan persembahan di hadapan orang ramai yang dijangka membanjiri stadium negeri di Petra Jaya di sini sempena sambutan ulang tahun ke-92 kelahiran beliau, bermula 8 pagi.

Acara yang diterajui Kementerian Pembangunan Sosial negeri ini akan diserikan dengan tarian, nyanyian dan pelbagai persembahan menarik lain.

Menurut kenyataan Jabatan Penerangan Sarawak, ketibaan Abang Muhammad Salahuddin dan isteri Toh Puan Norkiah pada majlis itu akan disambut Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, menteri yang bertanggungjawab bagi acara itu Datuk Seri Wong Soon Koh, Setiausaha Kerajaan Negeri Tan Sri Mohd Morshidi Abdul Ghani dan anggota jawatankuasa sambutan lain.

Kemudian, Abang Muhammad Salahuddin akan memeriksa perbarisan kehormat dan 92 kontinjen yang mengambil bahagian dalam acara sambutan itu.

Acara lain termasuk penyerahan kek dan nyanyian lagu selamat menyambut ulang tahun kelahiran dengan iringan muzik angklung oleh kumpulan koir kanak-kanak serta ucapan ketua menteri kepada hadirin.

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977610>